



Liberty
Insurance.®

LIBERTY EZY PLUS PAKEJ
[KENDERAAN PERDAGANGAN – KOMPREHENSIF /
PIHAK KETIGA, KEBAKARAN & KECURIAN]

LGIB.VER2023

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN BEBAS TOL : 1-300-888-990 | WWW.LIBERTYINSURANCE.COM.MY

JENIS PERLINDUNGAN

MANA-MANA YANG BERIKUT BOLEH DITERIMA PAKAI:-
KOMPREHENSIF – Seksyen A & B dalam polisi ini diterima pakai
PIHAK KETIGA SAHAJA – Hanya Seksyen B diterima pakai

SEMUA PENGENDORSAN, FASAL ATAU WARANTI YANG DILAMPIRKAN SECARA BERASINGAN PADA POLISI INI JUGA DITERIMA PAKAI.

PERJANJIAN KITA

Kontrak Insurans Komersial (Insurans bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak Anda pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan pihak Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan Anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantri, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans Anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara Anda dan pihak Kami.

SEKSYEN A – KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA

1. Kami akan melindungi Anda sekiranya Kenderaan Anda rosak atau hilang dalam keadaan berikut:-

- (a) berlanggar atau terbalik akibat kemalangan,
- (b) berlanggar atau terbalik akibat kerosakan mekanikal,
- (c) berlanggar atau terbalik akibat haus dan lusuh,
- (d) rosak akibat dihempap oleh objek jatuh, dengan syarat tidak bersabit dengan banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun konvulsi semula jadi yang lain,
- (e) kebakaran, letupan atau kilat,
- (f) pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian,
- (g) perbuatan niat jahat,
- (h) Semasa dalam transit (termasuk semasa punggah memunggah) melalui:
 - (i) jalan raya rel laju air pedalaman
 - (ii) laju laut terus merentasi selat antara Pulau Pinang dengan Semenanjung.

2. Asas Penyelesaian

- (a) Kami akan, mengikut pilihan Kami
 - (i) membayar kos memperbaiki Kenderaan Anda, atau
 - (ii) membayar secara tunai, aman kerugian atau kerosakan Kenderaan Anda, atau
 - (iii) membaik pulih atau mengganti Kenderaan Anda.
- (b) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar ialah nilai pasaran Kenderaan Anda pada masa kerugian, atau jumlah diinsuranskan dalam Polisi, mengikut yang mana lebih rendah.
- (c) Sekiranya Kenderaan Anda, pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan, diinsuranskan pada jumlah kurang daripada nilai pasarnya, maka Anda hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian itu. Dengan syarat, ianya tidak akan diterima pakai melainkan nilai pasaran pada masa berlakunya kerugian melebihi jumlah yang diinsuranskan sebanyak 10% atau lebih.
- (d) Nilai pasaran Kenderaan Anda akan ditentukan sekiranya berlaku pertikaian, oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais, dan nilai ini hendaklah sama dengan kos pembelian kenderaan gantian dengan buatan, model dan usia yang sama dengan Kenderaan Anda pada masa kerugian.
- (e) Sekiranya tidak ada Pemegang Francais untuk buatan Kenderaan Anda, maka nilai pasaran kenderaan akan ditentukan oleh Pelaras Kerugian yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya yang dipersetujui bersama oleh Anda dan Kami.
- (f) Penilaian yang dibuat oleh Ibu Pejabat Pemegang Francais yang berkenaan atau Pelaras Kerugian yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan perundangan berikutnya akan menjadi bukti muktamad berhubung dengan nilai pasaran Kenderaan Anda untuk sebarang prosiding undang-undang terhadap Kami.
- (g) Jumlah maksimum yang akan Kami bayar bagi kos pemberian terhadap Kenderaan Anda adalah perbelanjaan yang perlu ditanggung bagi memulihkan kerosakan Kenderaan Anda kepada keadaan sebelum kemalangan (atau kepada keadaan yang sehampir mungkin yang munasabah seperti sebelum kemalangan). Sekiranya alat francais baru digunakan, Anda akan menanggung bahagian “betterment” atas penggantian alat francais mengikut skala berikut:-

Umur Kenderaan/Tahun	Kadar untuk "Betterment" (Tidak melebihi % berikut)
Kurang dari 5 tahun	0
5	15
6	20
7	25
8	30
9	35
10 dan ke atas	40

Asas berikut hendaklah digunakan dalam menentukan umur kenderaan:-

Umur kenderaan berdasarkan pada:-

- | | |
|---|---------------------------|
| Kenderaan Baru | → Tarikh Pendaftaran |
| Kenderaan tempatan terpakai/telah digunakan | → Tarikh Pendaftaran Asal |
| Kenderaan Import terpakai/telah digunakan | → Tahun Buatan |
| Kenderaan Import "reconditioned" | → Tahun Buatan |

Pengenaan "betterment" adalah atas budi bicara Kami. Skala "betterment" merupakan kadar maksimum "betterment" yang boleh diguna pakai

3. Pengangkutan Kenderaan Yang Rosak

Kami akan membayar Anda sehingga maksimum RM200.00 sebagai Upah Tunda untuk membawa Kenderaan Anda, sama ada ke Bengkel Membaiaki Kereta yang terdekat, atau menunda kenderaan untuk dihantar pulang ke alamat Anda seperti dinyatakan di dalam Jadual, atau menunda ke tempat selamat untuk disimpan, dengan syarat kerosakan Kenderaan Anda diakibatkan oleh keadaan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen ini.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN A

Kami TIDAK akan membayar bagi:

- (a) segala kerugian turutam.
- (b) kehilangan kegunaan Kenderaan Anda.
- (c) susut nilai, haus dan lusuh, karat dan kakisan, kelesuan logam, kerosakan mekanikal atau elektrik atau elektronik, kepincangan tugas peralatan atau komputer, kegagalan atau pecahnya mana-mana bahagian Kenderaan Anda kecuali pecahnya cermin hadapan/belakang, tingkap atau tingkap bumbung, termasuk filem salutan/mewarna, jika ada.
- (d) kerosakan disebabkan oleh muatan yang berlebihan atau terlalu berat.
- (e) kerosakan disebabkan oleh letupan apa-apa dandang yang menjadi sebahagian daripada atau dipasang pada atau atas Kenderaan Anda.
- (f) kerosakan pada tayar Kenderaan Anda, kecuali Kenderaan Anda rosak pada masa yang sama.
- (g) apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau berpunca daripada perbuatan menipu/pecah amanah jenayah oleh seseorang mengikut makna definisi kesalahan menipu/pecah amanah jenayah seperti yang terdapat di dalam Kanun Kesejahteraan.
- (h) Lebihan yang dinyatakan dalam Jadual
- (i) kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau program komputer untuk mengenal atau mentafsir dengan betul atau memproses mana-mana tarikh sebagai tarikh benar atau betul atau untuk terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.

SEKSYEN B : LIABILITI TERHADAP PIHAK KETIGA

1. Kami akan melindungi Anda atau pemandu yang Anda berikan kuasa untuk suatu amaun yang Anda atau pemandu yang Anda berikan kuasa perlu bayar mengikut undang-undang (termasuk kos dan perbelanjaan pihak yang menuntut) terhadap kemalangan yang disebabkan oleh atau berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda atau berkaitan dengan punggah-memunggah daripadanya bagi:-
 - (a) kematian atau kecederaan anggota kepada mana-mana orang kecuali yang dinyatakan secara khusus di bawah Pengecualian kepada Seksyen B.
 - (b) kerosakan kepada harta akibat kemalangan yang berpunca daripada penggunaan Kenderaan Anda dengan syarat pemandu yang Anda berikan kuasa juga mematuhi semua terma dan syarat polisi seperti yang dikenakan ke atas Anda.

2. Had Liabiliti Kami

Jumlah keseluruhan liability Kami di bawah Seksyen B1(a) adalah tidak terhad
Jumlah keseluruhan liability Kami di bawah Seksyen B1(b) adalah terhad kepada RM3 juta.

Berhubung dengan mana-mana tuntutan atau satu siri tuntutan yang timbul daripada satu peristiwa.

3. Menunda Kenderaan Yang Rosak

Kami akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ternyata di bawah Seksyen B1(a) dan Seksyen B1(b) jika Kenderaan Anda digunakan untuk menunda mana-mana Kenderaan Bermotor yang rosak.

Dengan syarat:-

- (a) kenderaan yang di tunda bukan di tunda untuk ganjaran
- (b) Kami tidak bertanggungjawab terhadap kerugian atau kerosakan kepada kenderaan yang di tunda atau harta yang dibawanya.

4. Perlindungan untuk Wakil Di sisi Undang-Undang

Berikutkan kematian mana-mana orang yang dilindungi di bawah Polisi ini, Kami akan menanggung rugi wakil di sisi undang-undang orang tersebut untuk liabiliti yang di lindungi di bawah Seksyen ini, dengan syarat wakil berkenaan mematuhi semua terma dan syarat polisi.

5. Kos Undang-undang

Kami akan membayar kos undang-undang tertanggung sehingga maksimum RM2,000.00 untuk membela mana-mana pertuduhan termasuk pertuduhan menyebabkan kematian dengan memandu Kenderaan Bermotor (selain daripada pembunuhan), sekiranya persetujuan bertulis Kami telah diperolehi terlebih dahulu.

PENGECUALIAN KEPADA SEKSYEN B

Kami TIDAK akan membayar bagi:-

- a) kematian atau kecederaan anggota ke atas mana-mana orang atau kerosakan kepada harta disebabkan atau berpunca di luar had mana-mana laluan kenderaan atau jalan raya awam berkaitan dengan pemunggahan ke atas dan daripada Kenderaan Anda
- b) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang kematian atau kecederaan tersebut berlaku berpunca daripada dan semasa orang berkenaan bekerja dengan Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa.
- c) kematian atau kecederaan anggota mana-mana orang yang sedang dibawa di dalam atau sedang menaiki atau masuk atau turun dari Kenderaan Anda (kecuali dia dikehendaki dibawa di dalam atau di atas Kenderaan Anda dengan sebab atau bagi tujuan melaksanakan kontrak pekerjaannya dengan Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau majikannya).
- d) kerosakan terhadap harta kepunyaan, atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan atau diamanahkan kepada Anda dan/atau pemandu yang Anda beri kuasa dan/atau mana-mana ahli keluarga Anda dan/atau mana-mana ahli keluarga pemandu yang Anda beri kuasa.
- e) kerosakan mana-mana jambatan, jambatan timbang atau jejambat atau jalan atau benda yang berada di bawahnya akibat getaran atau berat Kenderaan Anda atau muatan yang di bawa oleh Kenderaan Anda.
- f) kerosakan harta yang di sebabkan oleh atau berpunca daripada letusan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Anda.
- g) kematian atau kecederaan anggota disebabkan oleh atau berpunca daripada letusan dandang yang menjadi sebahagian daripada, dipasang pada atau atas Kenderaan Anda kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan.
- h) apa-apa tuntutan yang dibawa ke mahkamah terhadap mana-mana orang di mana-mana negara di luar Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam.
- i) semua kos dan perbelanjaan perundangan yang tidak tertanggung atau boleh di tuntut balik di Malaysia, Republik Singapura atau Negara Brunei Darussalam.

DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Jika tiada tuntutan dibuat atau timbul daripada polisi Anda dan dengan syarat Kenderaan Anda diinsuranskan dengan Kami untuk tempoh berterusan selama 12 bulan di dalam setiap keadaan di bawah ini, Anda layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa membaharui Polisi Anda seperti berikut:-

Tempoh Insurans	Diskaun	
	Kereta Sewa*	Lain-lain
Selepas tahun pertama insurans	25%	15%
Selepas tahun kedua insurans	30%	20%
Selepas tiga tahun atau lebih insurans	45%	25%

***Kereta Sewa merujuk kepada Kereta Sewa dan Pandu & Teksi Mewah**

Jika Kami bersetuju memindahkan kepentingan dalam Polisi ini, tempoh kepentingan di atas nama Anda tidak akan terakru untuk manfaat pemilik baharu.

Jika lebih daripada satu Kenderaan Bermotor yang dinyatakan di dalam Jadual, Diskaun Tanpa Tuntutan hendaklah diguna pakai seolah-olah satu Polisi yang berasingan telah dikeluarkan berhubung dengan setiap Kenderaan Bermotor berkenaan.

PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK TUNTUT BALIK

1. Hak Anda atau hak mana-mana orang lain untuk memperolehi indemniti berdasarkan Perundangan atau Perjanjian yang dimeterai antara Menteri Pengangkutan bagi Pihak Kerajaan Malaysia dengan "Motor Insurers' Bureau of West Malaysia" pada 30 Mac, 1992, atau Perjanjian yang dimeterai antara Kerajaan Singapura dengan "Motor Insurers' Bureau of Singapore" pada 22 Februari 1975, tidak akan terjejas walau apa pun.
2. Walau bagaimanapun, sekiranya Kami dikenakan apa-apa bayaran akibat Perundangan atau Perjanjian tersebut yang jika tidak kerananya Kami tidak ada liabiliti untuk membayar, Anda hendaklah membayar balik kepada Kami wang yang telah Kami bayar itu.
3. Sekiranya tuntutan Kerosakan Sendiri telah dibayar dan tuntutan Kerosakan Harta Pihak Ketiga juga telah dibuat, Anda dikehendaki menyerahkan dan/atau memulangkan kepada Kami apa-apa jumlah yang telah dibayar kepada Anda, yang mana kegagalan untuk berbuat demikian Kami berhak mendapatkan kembali jumlah yang telah dibayar dan apa-apa akibat langsung kos bayaran atau perbelanjaan tertanggung.

PENGECUALIAN AM - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Kami TIDAK akan membayar apa-apa liabiliti dalam keadaan berikut:

1. Jika Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan tersebut kecuali sekiranya Anda atau mana-mana orang yang Anda beri kebenaran pernah memegang dan tidak hilang kelayakan memegang atau mendapatkan lesen untuk memandu kenderaan Anda di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang diperlukan.
2. Jika Anda atau pemandu yang Anda beri kuasa memandu Kenderaan Anda di bawah pengaruh minuman keras atau dadah sehingga tahap yang menyebabkan tidak dapat mengawal Kenderaan Anda.
3. (a) Apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh Kenderaan Anda yang digunakan untuk tujuan yang tidak sah di sisi undang-undang atau telah digunakan selain yang diperuntukkan di bawah Had Penggunaan oleh Anda atau oleh orang lain dengan persetujuan Anda.
 (b) Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau ditanggung semasa Kenderaan Anda, berhubung dengan indemniti yang diperuntukkan di bawah Polisi ini telah dipandu oleh mana-mana orang selain pemandu yang dibenarkan atau seseorang yang memandu dengan arahan Anda atau dengan kebenaran Anda.
4. Jika apa-apa kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh serangan, peperangan (sama ada peperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan), operasi seakan peperangan, perbuatan musuh asing, permusuhan, peperangan sivil, perbuatan ganas, mogok, rusuhan, kekecohan awam, dahagi, pemberontakan, revolusi tentera atau rampasan kuasa sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh keadaan-keadaan yang tersebut di atas.
5. Jika kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah atau konvulsi semula jadi lain.
6. Jika kenderaan Anda digunakan untuk atau semasa diuji sebagai persediaan untuk mana-mana perlumbaan atau pertandingan (selain acara mencari harta karun). Ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) ujian kebolehpercayaan, ujian mendaki bukit dan rali.
7. Jika berlaku apa-apa kemalangan atau kerosakan, Kenderaan Anda ditinggalkan tanpa dijaga dan tiada langkah sewajarnya diambil bagi menghalang kerugian atau kerosakan selanjutnya, dan jika Kenderaan Anda dipandu dalam keadaan ia tidak layak digunakan di jalan raya sebelum pembaikan yang perlu dibuat, apa-apa kerosakan tambahan atau kerosakan selanjutnya pada Kenderaan Anda akan dikecualikan daripada perlindungan Polisi ini.
8. Apa-apa kerosakan, kerugian, kemalangan atau liabiliti yang disebabkan, dialami atau tertanggung di luar Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam. Bagi liabiliti di Malaysia, pengehadan-pengehadan Akta diterima pakai.
9. Jika apa-apa liabiliti berbangkit daripada sesuatu perjanjian yang mana tanpa perjanjian tersebut Kami tidak ada liabiliti.
10. (a) Apa-apa kemalangan kerugian atau kerosakan pada mana-mana harta walau apa pun atau apa-apa kerugian atau perbelanjaan walau apa pun akibat atau timbul daripadanya atau apa-apa kerugian turutan
 (b) Apa-apa liabiliti walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
11. Apa-apa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau diakibatkan oleh atau timbul daripada bahan dan senjata nuklear.

Jika terdapat undang-undang dinyatakan di dalam seksyen Polisi bertajuk 'Pengelakan Sesetengah Terma dan Hak Tuntut Balik' atau di dalam Jadual Polisi di bawah tajuk 'Perundangan', semua rujukan kepada Seksyen tertentu undang-undang sedemikian adalah dianggap terbatas supaya rujukan kepada undang-undang sedemikian akan diterima pakai pada setiap undang-undang keseluruhannya.

12. Klausu Had Sekatan dan Pengecualian

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

13. Klausu Pengecualian Kerugian Siber Terhad

1. Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - 2.1 penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - 2.2 pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - 2.3 akses kepada, pemrosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - 2.4 ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - 2.5 sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan 2.1 hingga 2.4 di atas;
 - 2.6 sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

SYARAT - DITERIMA PAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Komersial

Apabila Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesi Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. KEMALANGAN DAN PROSEDUR TUNTUTAN

- (a) Kami mestilah diberitahu secara bertulis atau melalui telefon dalam mana-mana kes dengan butiran kenderaan-kenderaan yang terlibat, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, gambaran ringkas keadaan kemalangan tersebut dalam jangka waktu yang dicatatkan seperti berikut selepas kejadian yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini.
 - (i) Dalam tempoh tujuh (7) hari jika Anda dari segi fizikal berupaya atau tidak dimasukkan ke hospital berikutan kejadian itu.
 - (ii) Dalam tempoh tigapuluh (30) hari atau secepat yang praktikal jika Anda dari segi fizikal tidak berupaya dan dimasukkan ke hospital disebabkan kejadian itu.
 - (iii) Selain dari (i) dan (ii), tempoh pemberitahuan lebih panjang mungkin dibenarkan tertakluk kepada bukti khusus oleh Anda.
- (b) Sekiranya kenderaan Anda dilanggar oleh kenderaan Pihak Ketiga, Anda boleh merujuk tuntutan untuk kos pembaikan tersebut kepada Kami. Kelayaran Diskaun Tanpa Tuntutan Anda tidak akan terjejas sekiranya Kami memutuskan Anda tidak bersalah. Keputusan mengenai kesalahan tersebut adalah mengikut budi bicara Kami sepenuhnya. Dengan syarat kenderaan Pihak Ketiga itu berinsurans, boleh dikenal pasti dan/atau bukan kenderaan digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan sewaan atau ganjaran (misalnya teksi, kereta sewa, bas awam, bas berhenti-henti, bas sekolah dan bas kilang untuk sewaan), bukan kenderaan yang diinsuranskan oleh bukan Penanggung Insurans Malaysia dan tidak terlibat dengan tuntutan kecederaan peribadi.
- (c) Semua kemalangan mestilah dilapor kepada pihak Polis seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.
- (d) Setiap komunikasi, writ, saman dan/atau proses daripada pihak yang lain mestilah dihantar kepada Kami serta-merta. Anda juga mesti tanpa berlengah memberitahu Kami sekiranya Anda tahu apa-apa pendakwaan, inkues atau siasatan maut yang mungkin berbangkit. Sekiranya terjadi kecurian atau perbuatan lain yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mestilah tanpa berlengah membuat laporan kepada Polis dan bekerjasama dengan Kami dalam memastikan sabitan pesalah.
- (e) Perundingan, Pengakuan atau Penolakan apa-apa tuntutan tidak boleh dibuat tanpa persetujuan bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (f) Kami mempunyai budi bicara sepenuhnya terhadap pengendalian, pembelaan dan/atau penyelesaian mana-mana tuntutan.
- (g) Pembaikan kenderaan Anda tidak boleh dilakukan tanpa kebenaran bertulis daripada Kami terlebih dahulu.
- (h) Sekiranya Kenderaan Anda terlibat dalam kemalangan dan membawa kepada tuntutan, Kenderaan Anda mesti dibawa ke Bengkel yang diluluskan oleh PIAM untuk diperbaiki. Kegagalan mengalih Kenderaan Anda ke Bengkel yang diluluskan oleh PIAM adalah pelanggaran terhadap syarat ini, dan Kami berhak untuk menolak liabiliti di bawah Seksyen A Polisi ini.
- (i) Dalam mana-mana peristiwa yang membawa kepada tuntutan atau satu siri tuntutan di bawah Seksyen B1(b) Polisi ini, Kami boleh membayar Anda amanu sepenuh liabiliti Kami mengikut Seksyen B1(b) dan melepaskan pengendalian apa-apa pembelaan, penyelesaian atau prosiding, dan Kami tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dikatakan Anda alami akibat daripada mana-mana tindakan atau peninggalan yang dikatakan telah Kami lakukan berkaitan dengan pembelaan, penyelesaian atau prosiding tersebut atau kerana Kami telah melepaskan pengendalian berkenaan, begitu juga Kami tidak akan menanggung apa-apa kos atau perbelanjaan yang Anda tanggung atau oleh mana-mana pihak yang menuntut atau sesiapa sahaja selepas Kami melepaskan pengendalian berkenaan.

3. PEMBATALAN

- (a) Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Kami secara bertulis.
- (b) Kami juga boleh membatalkan Polisi ini dengan memberi Anda notis 14 hari secara bertulis melalui surat berdaftar kepada alamat Anda yang terakhir.
- (c) Anda hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pembatalan dibawah perenggan (a) atau (b) di atas, menyerahkan sijil insurans asal kepada Kami atau, menyediakan untuk Kami satu akuuan berkanun jika sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (d) Sekiranya pembatalan diminta oleh Anda (asalkan tidak ada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans berkenaan), Anda adalah layak mendapat bayaran balik premium (termasuk Cukai Perkhidmatan) berdasarkan kadar jangka pendek biasa Kami dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda seperti yang berikut:-

Tempoh Insurans	Kadar Bayaran Balik Premium %
Tidak melebihi 1 minggu	87.5 daripada premium tahunan
“ “ 1 bulan	75.0 “ “ “
“ “ 2 bulan	62.5 “ “ “
“ “ 3 bulan	50.0 “ “ “
“ “ 4 bulan	37.5 “ “ “
“ “ 6 bulan	25.0 “ “ “
“ “ 8 bulan	12.5 “ “ “
Melebihi 8 bulan	Tiada bayaran balik premium dibenarkan

- (e) Sekiranya pembatalan dibuat oleh Kami, Anda layak mendapat bayaran balik premium secara prorata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan sijil asal atau akuan berkanun sekiranya sijil berkenaan telah hilang atau musnah atau tidak diterima oleh Anda.
- (f) Tiada bayaran balik premium bagi sebarang pembatalan polisi sekiranya premium yang dikenakan adalah premium minimum.

4. INSURANS LAIN

Anda mestilah memberikan notis bertulis kepada Kami jika Anda mempunyai apa-apa insurans lain yang melindungi Kenderaan Anda. Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang polisi lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar mengikut perkadarhan setimpal bagi mana-mana kerugian, kerosakan, pampasan, kos atau perbelanjaan. Walau bagaimanapun, tiada apa-apa dalam Syarat ini yang mengenakan Kami apa-apa liabiliti yang Kami tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

5. SUBROGASI

Sekiranya perlu, Kami berhak untuk mengambil alih atas perbelanjaan Kami sendiri terhadap pengendalian pembelaan atau penyelesaian mana-mana tuntutan atas nama Anda atau mendakwa atas nama Anda untuk kepentingan Kami mana-mana indemnit atau kerugian atau sebaliknya dan Kami mempunyai budi bicara mutlak dalam pengendalian sebarang prosiding dan dalam penyelesaian mana-mana tuntutan, dan Anda hendaklah memberi semua maklumat dan bantuan yang berkenaan seperti mana yang Kami perlukan.

6. FASAL TIMBANG TARA

Semua pertelingkahan yang timbul daripada polisi ini akan dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh Anda dan Kami. Sekiranya Anda dan Kami tidak dapat bersetuju dalam menentukan siapakah Penimbang Tara dalam masa satu bulan yang diperlukan untuk berbuat demikian secara bertulis, maka Anda dan Kami layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing yang akan mendengar pertelingkahan ini bersama-sama dengan seorang pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Walau bagaimanapun disyaratkan bahawa mana-mana penafian tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas bulan kalender dari tarikh penafian tuntutan Kami kepada Anda.

7. HAL LAIN

Polisi ini hanya akan berkuat kuasa sekiranya :-

- (a) Sesiapa yang menuntut perlindungan telah mematuhi semua Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Waranti.
- (b) Anda telah mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) Anda telah mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga Kenderaan Anda daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) Anda mesti membenarkan Kami memeriksa Kenderaan Anda pada bila-bila masa yang wajar.

DEFINISI ISTILAH DI DALAM POLISI

1. Kami merujuk kepada Syarikat Insurans.
2. Anda merujuk kepada Pemegang Polisi dan / atau Pihak Diinsuranskan.
3. Kenderaan Anda merujuk kepada Kenderaan itu, aksesori standard pemasangan di kilang dan apa-apa aksesori tambahan lain seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.
4. Aksesori merujuk kepada alat standard kenderaan bermotor termasuk penyaman udara dan tayar ganti dan boleh termasuk radio/pemain kaset/pemain cakera padat dan seumpamanya jika tercatat di dalam jadual.
5. Bengkel merujuk kepada bengkel membaiki kenderaan bermotor di bawah Skim Bengkel Pembaikan yang diluluskan oleh PIAM.
6. Ahli keluarga Anda merujuk kepada semua ahli keluarga Anda yang terdekat (yakni suami/isteri, anak-anak termasuk anak angkat yang sah, ibu bapa, dan adik-beradik).
7. Penipuan seperti yang didefinisikan di dalam kanun Kesiksaan adalah seperti berikut:-
Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:-
- (a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau
- (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan "menipu".
8. Pecah amanah jenayah seperti yang didefinisikan di dalam Kanun Kesiksaan adalah seperti berikut:
Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikannya bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah"
9. Takrif perbuatan ganas Bermakna sesuatu perbuatan termasuk tetapi tidak terbatas kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, sama ada secara persendirian atau bagi pihak orang lain atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kerana politik, agama, ideologi atau tujuan-tujuan sepertinya termasuk bermaksud untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana pihak awam berada dalam ketakutan.

SEMUA PENGENDORSAN DAN WARANTI BERIKUT HANYA AKAN DITERIMA PAKAI JIKA TERTERA DI DALAM JADUAL POLISI ATAU DILAMPIRKAN SECARA BERASINGAN

1. LEBIHAN SEMUA TUNTUTAN

Anda bertanggungjawab bagi jumlah Lebihan yang pertama yang tercatat di dalam Jadual Polisi bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan yang kena bayar (termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kami dalam mengendalikan, membela dan menyelesaikan sebarang tuntutan) di bawah Seksyen A – KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA Polisi ini sebagai tambahan kepada sebarang Lebihan lain yang boleh diterima pakai.

Jika perbelanjaan ditanggung oleh Kami itu termasuk amaun yang adalah tanggungjawab Anda, amaun sedemikian hendaklah dibayar balik kepada Kami. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

3(p) PIHK KETIGA SAHAJA

Perlindungan dalam polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga sahaja :-Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHK KETIGA).

Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA) dibatalkan.Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

3(q). PIHK KETIGA KEBAKARAN DAN KECURIAN

Perlindungan dalam polisi ini dihadkan kepada Pihak Ketiga Kebakaran dan Kecurian sahaja.

Seksyen A (KERUGIAN ATAU KEROSAKAN PADA KENDERAAN ANDA) polisi ini akan melindungi Anda jika kenderaan Anda rosak atau hilang disebabkan oleh kebakaran, letusan, kilat, pecah-masuk, pecah rumah atau kecurian dan Seksyen B (LIABILITI TERHADAP PIHK KETIGA).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

15. SEWA BELI

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Syarikat Kewangan yang tercatat di dalam Jadual Polisi (selepas ini dirujuk sebagai Pemilik) adalah Pemilik Kenderaan Anda di bawah satu Perjanjian Sewa Beli yang dibuat antara Pemilik dan Anda. Apa-apa bayaran untuk kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pumbaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah Seksyen A Polisi ini akan dibayar kepada Pemilik selagi mereka masih menjadi Pemilik Kenderaan Anda. Penerimaan bayaran tersebut oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Kami atas kerugian atau kerosakan sedemikian. Polisi ini dikeluarkan kepada Anda sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemilik dan tidak sebagai suatu penyerahan hak oleh Anda kepada Pemilik akan hak, manfaat atau tuntutan Anda di bawah Polisi ini. Anda tidak boleh menyerahkan hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Kami.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

15(a).PINJAMAN MAJIKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa Majikan yang tercatat di dalam Jadual Polisi mempunyai kepentingan atas wang yang kena dibayar kepada Anda melalui Polisi ini berhubung dengan kerugian atau kerosakan terhadap Kenderaan Anda (yang kerugian atau kerosakan tersebut tidak dipulihkan dengan pumbaikan, pengembalian semula atau penggantian) dan wang sedemikian hendaklah dibayar kepada Majikan tersebut sehingga notis diberikan kepada Kami bahawa mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan ke atas Kenderaan Anda, dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad akan liabiliti Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.

Melainkan melalui pengendorsan ini tidak ada apa dalam ini yang akan mengubah atau menjaskan hak dan liabiliti Kami/Anda di bawah Polisi ini.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

18. RISIKO-RISIKO BERKADAR FLIT - PEMBATALAN DISKAUN TANPA TUNTUTAN

Fasal Diskaun Tanpa Tuntutan bagi Polisi ini dibatalkan. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

19. RISIKO PENUMPANG

Kami bersetuju bahawa Pengecualian (c) Seksyen B Polisi ini dibatalkan.

*Dengan syarat sekiranya kemalangan berlaku ketika Kenderaan Bermotor membawa lebih daripada orang yang tercatat di dalam Jadual Polisi** (selain daripada atenden/konduktor jika ada dan pemandu) Anda hendaklah membayar semula Kami perkadaran setimpal daripada amaun keseluruhan berbayar oleh Kami.

Dengan syarat bahawa dalam menjumlahkan bilangan orang yang berkenaan bagi tujuan proviso sebelumnya, pelarasian hendaklah dibuat seperti yang dibenarkan oleh mana-mana perundangan bagi membawa kanak-kanak di dalam Kenderaan Bermotor. Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Nota: *Proviso ini tidak diterima pakai dalam kes Kenderaan jenis Khas. **Bilangan orang yang tercatat di dalam Jadual Polisi di dalam kes Kereta Untuk Sewa mestilah mengikut bilangan yang dibenarkan oleh Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk Kenderaan Bermotor tersebut dan di dalam kes-kes kenderaan lain, bilangan adalah mengikut bilangan yang mana premium telah dibayar dan ianya merupakan jumlah keseluruhan bilangan tempat duduk penumpang termasuk bilangan lebih penumpang yang dibawa dengan kebenaran Pihak Berkuasa.

30. PENGGANTIAN ALAT GANTI

Sekiranya alat ganti atau aksesori bagi membaiki Kenderaan Anda tidak terdapat di Malaysia, atau jika Kami menjalankan opsyen Kami untuk membayar secara tunai bagi kerugian atau kerosakan, maka liabiliti Kami bagi alat ganti/aksesori sedemikian hendaklah

- (a) harga yang disebut di dalam katalog terkini atau senarai harga yang dikeluarkan oleh pembuat atau ejen mereka, atau sekiranya tidak wujud katalog yang sedemikian, harga di tempat kerja pembuat termasuk kos pengangkutan yang munasabah (kecuali fret udara) dan
- (b) kos yang munasabah bagi memasang alat ganti/aksesori sedemikian.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

38. KREN BERGERAK

Kami bersetuju bahawa berkaitan dengan Kenderaan Bermotor yang tercatat di dalam Jadual Polisi Kami tidak akan bertanggungjawab:

- (a) Di bawah Seksyen A polisi ini ke atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh terbalik yang timbul daripada operasinya sebagai kelengkapan kenderaan atau dari jentera yang menjadi sebahagian daripada kenderaan tersebut atau yang dipasang dengannya kecuali untuk kehilangan dan kerosakan yang timbul secara langsung dari kebakaran, letusan luaran secara sendirinya atau kilat atau rompakan, pecah rumah atau kecurian.
- (b) Di bawah Seksyen B polisi ini kecuali ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak perundangan yang mana liabiliti dikenakan ke atas Anda yang timbul dari operasinya sebagai alatan kenderaan tersebut atau jentera yang menjadi sebahagian dari kenderaan atau yang dipasang dengannya.

39. PENGECUALIAN RISIKO KERJA PIHK KETIGA

Kami bersetuju bahawa di bawah Seksyen B Polisi ini, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang ditanggung oleh Anda yang timbul daripada pengendalian alat Kenderaan Bermotor tersebut atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya kecuali ia diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan.

40. PENGECUALIAN KEROSAKAN SEMASA DIGUNAKAN UNTUK MENGENDALI SESUATU PEKERJAAN

Kami bersetuju bahawa dibawah Seksyen A Polisi ini, kami tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan kepada Kenderaan Bermotor yang timbul daripada penggunaan alatan Kenderaan Bermotor atau sebarang jentera yang menjadi sebahagian daripada Kenderaan Bermotor tersebut atau dipasang kepadanya.

95. PENGENDORSAN PAJAKAN

Kami telah mengambil perhatian dan bersetuju bahawa:-

- (a) Syarikat Pajakan yang tercatat di dalam Jadual Polisi (selepas ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah pemilik Kenderaan Anda yang merupakan perkara kepada suatu Perjanjian Pajakan yang dibuat antara Pemberi Pajak dan Anda Sendiri di suatu pihak yang lain.
- (b) Mana-mana bayaran yang dibuat berhubung dengan kerugian atau kerosakan (yang kerugian atau kerosakan itu tidak dipulihkan dengan cara pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) mengikut mana-mana liabiliti undang-undang di pihak Kami kepada Anda di bawah Seksyen A Polisi ini hendaklah dibuat kepada Pemberi Pajak selagi mereka merupakan pemilik Kenderaan Anda dan penerimaan oleh mereka hendaklah merupakan pelepasan penuh dan muktamad kepada Kami berhubung dengan kerugian atau kerosakan sedemikian.
- (c) Tanpa mengira mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian pajakan tersebut Polisi ini adalah dikeluarkan kepada Anda sebagai pihak utama dan bukannya sebagai ejen atau pemegang amanah bagi Pemberi Pajak. Anda tidak boleh menyerahkan hak kepada Pemberi Pajak (sama ada menurut undang-undang atau ekuiti) hak manfaat dan tuntutan Anda di bawah Polisi ini.
- (d) Tidak ada yang dinyatakan di dalam ini yang boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan atau meletakkan sebarang hak ke atas Pemilik/Pemberi Pajak untuk mendakwa Kami atas apa sifat juar bagi kemungkinan obligasi-obligasi Kami.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

97. PENGENDORSAN AKSESORI KENDERAAN

Sebagai balasan bagi bayaran premium tambahan daripada Anda kepada Kami, aksesori-aksesori yang berikut adalah diinsuranskan secara berasingan di bawah Seksyen A:-

Butir-Butir

(seperti yang tercatat di dalam Jadual Polisi)

Nilai Anggaran Anda

(seperti yang tercatat di dalam Jadual Polisi)

Mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah pengendorsan ini tidak boleh menjelaskan Diskaun Tanpa Tuntutan Anda dan Anda tidak bertanggungan ke atas mana-mana Lebihan yang dinyatakan sebagaimana yang ditentukan dalam Polisi.

Apabila mana-mana tuntutan di bawah pengendorsan ini diselesaikan, manfaat ini hendaklah secara automatik ditamatkan kecuali dikembalikan semula dengan bayaran suatu premium tambahan lanjutan.

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

109. PELUASAN PERLINDUNGAN TRANSIT FERI ANTARA SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Kami akan melindungi Anda di bawah Seksyen A Polisi ini, jika Kenderaan Anda rosak atau hilang semasa dalam transit antara Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekiranya berlaku sebarang tuntutan di bawah peluasan ini, Anda bertanggungjawab bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan Lebihan sebanyak 1% daripada Jumlah Diinsuranskan atau RM500 (yang mana lebih tinggi) sebagai tambahan kepada Lebihan yang dinyatakan di dalam jadual.

Sekiranya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

WARANTI NO.1 WARANTI KE ATAS LEBIHAN MUATAN KENDERAAN (DITERIMA PAKAI KE ATAS SEMUA KENDERAAN PERDAGANGAN TERMASUK BAS DAN VAN PERSENDIRIAN)

Adalah diwarantikan bahawa Kami tidak akan bertanggung jawab di bawah Seksyen A Polisi ini sekiranya pada masa berlaku kemalangan yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini, Kenderaan Anda membawa muatan yang berlebihan dari berat yang dibenarkan dan/atau bilangan penumpang yang dinyatakan di dalam buku pendaftaran Kenderaan Anda. Dengan syarat waranti ini tidak diterima pakai kecuali muatan yang berlebihan melebihi 10% dari berat yang dibenarkan (untuk kenderaan membawa barang).

Selainnya tertakluk kepada Terma dan Syarat Polisi ini.

Seksyen C: Endorsmen – Diguna pakai jika nombor Endorsmen dicetak di dalam Jadual – Digunakan untuk Liberty Ezy Plus Pakej - Kenderaan Perdagangan – Komprehensif

Berikut adalah senarai terma dan syarat tambahan (dikenali sebagai Endorsmen) yang Kami boleh kenakan terhadap Anda atau perlindungan pilihan yang ada yang Anda mungkin mahu perluaskan ke Polisi asas Anda dengan membayar premium tambahan. Sila ambil perhatian bahawa hanya Endorsmen yang nombornya tercatat secara khusus di dalam Jadual Polisi akan diguna pakai oleh Polisi ini.

No	Jadual Manfaat	Liberty EzyPlus Pakej – Kenderaan Perdagangan - Komprehensif		
		A / C Permit	A / C Permit	Had
		Plan A Jumlah Diinsuranskan	Plan B Jumlah Diinsuranskan	(Setiap Orang / Kejadian)
1	Kematian akibat Kemalangan (maksimum sehingga 2 orang)	RM 50,000	RM 80,000	setiap orang / setiap kemalangan / setahun
2	Hilang Keupayaan Kekal (maksimum sehingga 2 orang)			setiap orang / setiap kemalangan / setahun
	i) Kehilangan penggunaan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	RM50,000	RM80,000	
	ii) Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM50,000	RM80,000	
	iii) Kehilangan penggunaan satu tangan dan satu kaki	RM50,000	RM80,000	
	iv) Kehilangan penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM50,000	RM80,000	
	v) Kehilangan penggunaan satu kaki atau satu tangan	RM25,000	RM40,000	
	vi) Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	RM25,000	RM40,000	

3	Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan sehingga had (maksimum sehingga 2 orang)	RM 500	RM 1,500	setiap orang / setiap kemalangan / setahun
4	Manfaat Pendapatan Hospital akibat kemalangan (maksimum 30 hari – maksimum sehingga 2 orang)	RM 100/sehari	RM 150/sehari	Manfaat harian, maksimum 30 hari setiap orang / setiap kemalangan / setahun
5	Elaun kematian Pemandu dan / atau Pembantu akibat kemalangan yang melibatkan Kenderaan Perdagangan yang Dinamakan - (Maksimum sehingga 2 orang) (Pembayaran kepada Syarikat)	RM 2,000	RM 2,000	setiap orang / setiap kemalangan / setahun
6	Perlindungan susut nilai untuk jumlah kerugian sepenuhnya / kecurian untuk kenderaan Perdagangan berusia 4 tahun dan ke bawah (Pembayaran berdasarkan perbezaan antara nilai pasaran semasa dengan Jumlah Diinsuranskan di dalam polisi pada masa penyelesaian tuntutan) Tidak Digunakan untuk Kenderaan Perdagangan Diinsuranskan Kurang dan pembayaran maksimum 15% dari penyelesaian Tuntutan Motor untuk Kenderaan Perdagangan Diinsuranskan Lebih.	Tidak Berkaitan	Perbezaan antara nilai pasaran semasa dengan Jumlah Diinsuranskan di dalam polisi pada masa penyelesaian tuntutan	Kenderaan berumur 4 tahun dan ke bawah satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
7	Peralatan Perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak dalam kemalangan atau dicuri dari kenderaan perdagangan yang dinamakan sehingga had	Tidak Berkaitan	RM 1,000	Hingga jumlah yang ditentukan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
8	Penulisan Tanda Iklan - iklan tetap atau bahan yang membentuk struktur bahagian tetap kenderaan perdagangan yang dinamakan sehingga had	Tidak Berkaitan	RM 2,000	Hingga jumlah yang ditentukan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
9	Elaun Kesulitan kerana Kehilangan atau kerosakan semasa mogok, rusuhan atau penguncian kenderaan perdagangan yang dinamakan.	Tidak Berkaitan	RM 2,000	Satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
10	Perlindungan bagi Penyalahgunaan Bahan Api, contoh – pengisian RON95 dan bukannya diesel sehingga had	Tidak Berkaitan	RM 1,500	Hingga jumlah yang ditentukan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
11	Elaun ketidakselesaan kerana Kecurian Kenderaan / Kebakaran Penuh (dibayar kepada syarikat)	Tidak Berkaitan	RM 2,000	Satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
12	Manfaat mingguan akibat kemalangan kenderaan perdagangan yang dinamakan (dibayar kepada syarikat)	Tidak Berkaitan	RM 300/ seminggu	Manfaat mingguan berjumlah RM 300, sehingga 4 minggu satu kejadian / setahun / setiap kenderaan

13	Pengecualian Penambahbaikan (Betterment) (Sehingga usia kenderaan 10 tahun ke bawah)	Tidak Berkaitan	Berkaitan	Hingga jumlah yang dinyatakan mengikut polisi Kenderaan Perdagangan satu kejadian / setahun / setiap kenderaan
----	---	-----------------	-----------	--

Nota: Kami akan membayar sehingga tahap maksimum yang tertera di dalam Jadual Faedah. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah jadual ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan.

Endorsemen PBCV001: Kematian Akibat Kemalangan

Sekiranya berlaku kecederaan yang mengakibatkan kehilangan nyawa kepada pemandu dan / atau seorang pembantu akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi, dalam masa seratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kemalangan, pihak syarikat akan membayar sehingga tahap maximum yang tertera di dalam polisi.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan setiap polisi tahunan.

Endorsemen PBCV002: Hilang Keupayaan Kekal

Kehilangan penglihatan dan kehilangan anggota akibat kecederaan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa Pemandu yang Diinsuranskan dan / atau seorang pembantu akibat dari kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi, dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari selepas berlakunya kemalangan itu yang menyebabkan mana-mana kehilangan berikut dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari, syarikat akan membayar secara penuh untuk:

Jadual Faedah	Jumlah yang Diinsuranskan		Had
	PLAN A	PLAN B	
Kehilangan penggunaan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	RM 50,000	RM 80,000	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM 50,000	RM 80,000	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penggunaan satu tangan dan satu kaki	RM 50,000	RM 80,000	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM 50,000	RM 80,000	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penggunaan satu kaki atau satu tangan	RM 25,000	RM 40,000	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	RM 25,000	RM 40,000	setiap orang / setiap kemalangan

“Kehilangan” seperti yang di atas digunakan dengan rujukan kepada tangan atau kaki bermaksud pemutusan sepenuhnya di atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki, dalam tempoh 180 hari selepas tarikh kemalangan dan rujukan kepada mata bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan lagi.

Kejadian apa-apa kehilangan khusus yang boleh dibayar pampasan di bawah bahagian ini hendaklah sekali gus menamatkan semua insurans di bawah sekyn ini, terpakai kepada Orang yang Diinsuranskan/Pemegang Polisi sahaja, tetapi penamatkan sedemikian hendaklah tanpa prasangka terhadap apa-apa tuntutan yang berpunca daripada kemalangan yang mengakibatkan kehilangan sedemikian.

Tiada pampasan akan dibayar untuk sebarang keadaan lebih daripada satu kerugian, yang paling besar yang mana peruntukan dibuat dalam bahagian ini.

Polisi ini menyediakan perlindungan sehingga dua (2) orang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) bagi setiap kenderaan perdagangan setiap polisi tahunan.

Kelayakan

Orang yang Diinsuranskan/Pemegang Polisi hendaklah berumur 21 tahun ke atas, mempunyai Lesen Memandu Kenderaan Perdagangan (CDL) dan tambahan memiliki Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk Bas dan Teksi, Lesen Kenderaan Perdagangan untuk Lori, Lori Kargo dan Van atau sebarang Lesen memandu Kenderaan Perdagangan yang sah di bawah undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Pengecualian

Insurans ini tidak diterima pakai:-

- (i) untuk kehilangan yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya; oleh
 - a. Jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku melalui luka tidak sengaja);
 - b. Apa-apa jenis penyakit lain;
 - c. Rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang perlu semata-mata kerana kecederaan yang dilindungi oleh polisi ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan dalam polisi);
- (ii) untuk apa-apa kecederaan anggota yang akan mengakibatkan hernia;

- (iii) Untuk bunuh diri atau apa-apa percubaan berbuat demikian (siuman atau tidak siuman);
- (iv) untuk kehilangan yang disebabkan oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, konspirasi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau sebab yang menentukan perisyiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan, rampasan, kuarantin, atau peraturan kastam atau pemilik negara oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di waktu aman atau perang. Kekecualian ini hendaklah tidak terjejas oleh apa-apa pengendorsan yang tidak merujuknya secara khusus, secara keseluruhan atau sebahagianya. Pihak Diinsuranskan hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian, dan sebagai syarat yang mendahului apa-apa liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kehilangan itu tidak dengan apa-apa cara timbul atau melalui mana-mana keadaan atau sebab yang dikecualikan di atas.
- (v) untuk kehilangan yang terjadi semasa kenderaan digunakan untuk sewa, lumba, rali jalan raya, penentuan rentak, pengujian laju atau penggunaan untuk apa-apa tujuan yang berhubung dengan perdagangan kenderaan motor;
- (vi) untuk pemandu jika pemandu sedemikian tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu automobil atau tidak layak untuk memegang atau mendapat lesen pemandu yang sah sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia;
- (vii) apabila kenderaan digunakan untuk aktiviti perniagaan yang menyalah undang-undang sebagai pengangkutan umum tidak berlesen;
- (viii) untuk kelahiran anak, keguguran, menggugurkan kandungan atau kehamilan melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada Pemandu dan/atau seorang Pembantu semasa memandu, menunggang, turun atau menaiki kenderaan anda.;
- (ix) Semasa pemandu di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan, alkohol atau dadah.

Peruntukan Khas

Sekiranya bilangan sebenar pembantu melebihi bilangan yang dinyatakan dalam perisyiharan polisi, Had Liabiliti syarikat bagi setiap orang akan diturunkan mengikut nisbah bilangan sebenarnya pembantu kepada bilang pembantu yang diisytiharkan.

Had ini tidak terpakai kepada Pemandu.

Endorsemen PBCV003: Bayaran Balik Perbelanjaan Perubatan

Sekiranya pemandu yang dinsuranskan dan / atau seorang pembantu mengalami kecederaan akibat kemalangan terhadap Kenderaan Perdagangan yang Dinamakan, memerlukan rawatan daripada pakar perubatan yang berkelayakan atau pakar bedah yang sah, dimasukkan ke hospital atau mengambil jururawat berlesen atau jururawat siswazah, Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang berlaku dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan tersebut, caj hospital dan yuran jururawat hingga had yang ditetapkan mengikut Jadual setiap Orang akibat daripada satu kemalangan.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan.

Endorsemen PBCV004: Manfaat Pendapatan Harian Hospital

Syarikat akan membayar pemandu yang dinamakan dan / atau seorang pembantu faedah harian seperti yang dinyatakan di dalam jadual, untuk setiap / pemandu yang dinamakan dan / atau seorang pembantu yang dimasukkan ke hospital akibat kemalangan terhadap Kenderaan Perdagangan yang dinyatakan di dalam jadual polisi, sehingga tahap maksimum sebanyak tiga puluh (30) hari.

Manfaat ini dibayar hanya jika pemandu yang dinamakan dan / atau seorang pembantu yang dimasukkan ke hospital lebih dari dua puluh empat (24) jam akibat kemalangan yang melibatkan Kenderaan Perdagangan yang Dinamakan. Hospital bermaksud hospital / pusat perubatan awam atau swasta yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan makanan serta perkhidmatan kejururawatan selama dua puluh empat (24) jam.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan.

Endorsemen PBCV005: Elaun Kematian Pemandu / Pembantu Akibat Kemalangan

Syarikat akan membayar elaun (sekali bayaran sahaja) seperti yang dinyatakan di dalam jadual akibat kematian Pemandu / Pembantu akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi.

Manfaat ini akan dibayar sekiranya kematian itu berlaku dalam tempoh 180 hari selepas tarikh kemalangan.

Kami akan membayar elaun seperti yang tertera di dalam jadual. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik untuk pihak menuntut dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan untuk satu kejadian sahaja sepanjang tempoh polisi.

Endorsemen PBCV006: Perlindungan Susut Nilai

Hanya digunakan untuk kenderaan Perdagangan berumur 4 tahun dan ke bawah

Syarikat akan membayar perbezaan antara jumlah yang diinsuranskan di dalam polisi terhadap nilai pasaran pada masa kerugian disebabkan oleh kerugian sepenuhnya / kecurian yang dilaporkan dan tuntutan tersebut akan dibayar di bawah Seksyen A Polisi Motor dan terhad kepada usia kenderaan 4 tahun dan ke bawah.

Mana-mana Kenderaan Perdagangan yang DIINSURANSKAN KURANG ketika penyelesaian tuntutan di bawah Seksyen A polisi Motor, kenderaan Perdagangan tersebut TIDAK berhak mendapat pembayaran di bawah faedah ini. Sekiranya Kenderaan Perdagangan tersebut didapati DIINSURANSKAN LEBIH pada masa penyelesaian tuntutan di bawah Seksyen A polisi Motor, Kenderaan Perdagangan tersebut di bawah faedah ini akan diberi pampasan pada had maksimum 15% dari jumlah penyelesaian tuntutan Motor sahaja.

Rujuk contoh jadual penyelesaian.

Senario	Nilai Pasaran Sebenar	Nilai Pasaran Kurang	Nilai Pasaran Lebih
	Contoh 1	Contoh 2	Contoh 3
Jumlah Diinsuranskan pada awal permulaan polisi	120000	80,000	400,000
Nilai pasaran pada masa kerugian	115,000	90,000	115,000
Pembayaran kerugian di bawah Perlindungan Asas Motor	115,000	80,000	115,000
Pembayaran kerugian di bawah Perlindungan faedah pakej	5,000	0	17,250
Jumlah Pembayaran Kerugian	120,000	80,000	132,250

Sentiasa dinasihatkan supaya menginsuranskan Kenderaan Perdagangan pada masa polisi dikeluarkan, berdasarkan nilai pasaran semasa.

Pihak yang diinsuranskan akan dikenakan denda seperti yang ditunjukkan di jadual atas jika Jumlah Diinsuranskan terhadap kenderaan anda pada saat polisi dikeluarkan lebih rendah daripada nilai Pasaran Sebenar pada masa kerugian melebihi 10%. Sebaliknya, tidak perlu menginsuranskan kenderaan anda dengan jumlah yang lebih tinggi daripada nilai pasaran kerana pembayaran maksimum pada masa kerugian akan terbatas pada nilai pasaran.

Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik untuk pihak menuntut dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan.

Endorsemen CVPB007: Peralatan Perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak dalam kemalangan atau dicuri dari kenderaan

Kami akan membayar kerugian atau kerosakan peralatan perdagangan, stok perdagangan dan bahan akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi.

Manfaat ini hanya akan digunakan untuk:

- (a) peralatan perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang dicuri melalui kemasukan secara paksa dan ganas ke dalam Kenderaan yang berkunci dan / atau bekas peralatan anda yang dipasang terus ke atas kenderaan Anda; atau
- (b) peralatan perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak akibat perlanggaran terhadap Kenderaan Anda.

Sila ambil perhatian bahawa barang perhiasan, barang berharga yang diperbuat daripada logam seperti emas dan perak dan barang kaca tidak termasuk dalam perlindungan ini.

Kami akan membayar sehingga had yang dinyatakan dalam jadual faedah. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan menjelaskan NCD anda dan TIDAK akan dikenakan lebihan bayaran.

Stok perdagangan dan bahan bermaksud:

- bahan mentah dan komponen - siap untuk digunakan untuk proses pengeluaran
- kerja megikut jadual - stok barang yang belum siap sepenuhnya untuk proses pengeluaran
- barang yang siap dan sedia untuk dijual
- bahan habis pakai - bahan bakar, alat tulis, baja, dll.

Endorsemen PBCV008: Penulisan Tanda Iklan

Kami akan membayar kerugian atau kerosakan akibat daripada kemalangan yang melibatkan Kenderaan Perdagangan Dinamakan untuk memperbaiki iklan atau bahan yang membentuk struktur bahagian tetap Kenderaan Anda di mana pengembalian semula diperlukan.

Kami akan membayar sehingga had seperti yang dinyatakan dalam jadual manfaat. Setelah menyelesaikan apa-apa tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pemulihan yang akan diberikan.

Endorsemen PBCV009: Elaun Kesulitan kerana Kehilangan atau kerosakan semasa mogok, rusuhan atau penguncian kenderaan perdagangan yang dinamakan.

Syarikat akan membayar Elaun Kesulitan untuk sebarang kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti terhadap Kenderaan Dinamakan yang Diinsuranskan yang hanya dinyatakan dalam Jadual yang disebabkan secara langsung oleh:

- i) perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama dengan orang lain dalam apa-apa gangguan ketenteraman awam (sama ada yang berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak) atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau percubaan untuk membentras mana-mana gangguan sedemikian atau mengurangkan kesan implikasi gangguan tersebut.
- ii) tindakan yang disengajakan oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang dikurung yang dilakukan sebagai tindak lanjut mogok atau menentang penguncian atau tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan secara sah dalam mencegah atau berusaha untuk mencegah perbuatan tersebut atau mengurangkan implikasi akibat dari tindakan tersebut.

Penguncian adalah pemberhentian kerja atau penolakan pekerjaan yang dimulakan oleh pengurusan syarikat (majikan atau pemilik industri) semasa perselisihan pekerja.

Pekerja yang dikurung merujuk kepada pekerja yang dikenakan pemberhentian kerja atau penolakan pekerjaan yang dimulakan oleh pengurusan syarikat (majikan atau pemilik industri) semasa pertikaian buruh.

Dengan syarat bahawa ganti rugi yang diberikan oleh manfaat ini tidak akan berlaku untuk sebarang kemalangan, kehilangan, kerosakan atau liabiliti (kecuali sejauh mana ianya diperlukan untuk memenuhi kehendak Perundangan) secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh faktor yang disumbangkan oleh atau elemen yang dapat dikesan atau timbul dari atau berkaitan dengan:

- i) perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisyiharkan atau tidak) perang saudara.
- ii) pemberontakan, kekecohan sivil, dengan anggapan perkadaran atau jumlah tentera yang semakin meningkat akibat dari pemberontakan, revolusi, keganasan, kekuatan tentera atau rampasan kuasa atau tindakan mana-mana orang yang bertindak atas nama atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang ditujukan kepada penggulingan secara paksa oleh pemerintah secara de jure atau de facto atau pengaruhnya akibat keganasan atau pemberontakan penggalas atau akibat langsung atau tidak langsung dari salah satu kejadian tersebut.

Sekiranya terdapat tuntutan di bawah ini, Anda harus membuktikan bahawa kemalangan, kerugian, kerosakan atau liabiliti timbul secara persendirian dan sama sekali tidak berkaitan dengan atau dapat dikesan terhadap mana-mana kejadian tersebut atau apa-apa akibatnya dan sekiranya gagal dibuktikan, kami tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran berkenaan dengan tuntutan tersebut.

Kami akan membayar Elaun Kesulitan seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah. Setelah menyelesaikan apa-apa tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pemulihan yang akan diberikan. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan mempengaruhi hak NCD anda dan TIDAK akan dikenakan lebihan bayaran.

Endorsemen PBCV010: Penyalahgunaan Bahan Api

Syarikat akan membayar kos berikut sehingga had maksimum yang tertera sekiranya berlaku penyalahgunaan petrol / bahan bakar (petrol / diesel):

1. mengalirkan dan mengepam tangki bahan bakar kenderaan anda di lokasi dengan menggunakan kenderaan khas di bahu / tepi jalan , atau
2. pemulihan kenderaan anda, ke Bengkel pembalikan lokasi terdekat untuk mengalirkan dan mengepam keluar dari tangki bahan bakar.

Pengecualian:

- (a) kerosakan mekanikal atau komponen pada kenderaan anda sama ada disebabkan oleh penyalahgunaan bahan api atau sebaliknya.
- (b) sebarang tuntutan melibatkan penyalahgunaan bahan api yang berlaku dalam tempoh 14 hari dari tarikh kuatkuasa polisi (kecuali jika polisi anda telah diperbaharui dengan kami).
- (c) sebarang bahan api yang diperlukan untuk diisi semula ke dalam tangki bahan api selepas penyaliran dan pengeluaran bahan api yang tercemar.
- (d) sebarang tuntutan yang disebabkan oleh benda asing yang memasuki sistem bahan bakar kecuali diesel atau petroleum.
- (e) apa-apa perbelanjaan yang tidak disokong dengan resit asal atau laporan bertulis dari pakar yang mengalirkan atau memulihkan tangki bahan bakar di dalam kenderaan anda.
- (f) kehilangan penggunaan kenderaan anda akibat penyalahgunaan bahan api..

Kami akan membayar sehingga had yang dinyatakan di dalam jadual faedah. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah jadual ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan menjelaskan NCD anda dan TIDAK akan dikenakan lebihan bayaran.

Endorsemen PBCV011: Elaun ketidakselesaan akibat Kecurian Kenderaan / Kebakaran Penuh

Syarikat akan membayar Elaun ketidakselesaan dimana pembayaran adalah sekali sahaja seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, dimana tuntutan yang sah telah dilaporkan dan akan dibayar di bawah Seksyen A polisi Motor yang melibatkan situasi:-

- i) kenderaan perdagangan yang dinamakan hilang akibat dicuri / kenderaan dirompak oleh orang yang tidak dikenali atau terdapat elemen keganasan atau
- ii) Kerugian Sepenuhnya akibat dari kebakaran, letupan atau kilat.

Tuntutan dibawah manfaat ini akan hanya dibayar sekiranya kenderaan perdagangan yang dinamakan tidak dapat dijumpai / dikesan dalam masa 21 hari dari tarikh kehilangan. Sebaliknya, jika kenderaan perdagangan tersebut telah dijumpai / dikesan dalam tempoh 21 hari dari tarikh kehilangan maka tuntutan di bawah manfaat ini tidak akan dibayar.

Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik untuk pihak menuntut dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan.

Endorsemen PBCV012: Manfaat Mingguan akibat kemalangan

Syarikat akan membayar Pihak yang Diinsuranskan eluan sebanyak RM 300 seminggu sehingga had maksimum 4 minggu untuk manfaat mingguan, akibat daripada gangguan perniagaan atau sekiranya kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi didapati mengalami kerosakan akibat dari kemalangan dan tidak boleh dipandu dan berada di bengkel untuk kerja pembaikan sejak tarikh kemalangan, tertakluk pada jangka masa yang wajar yang dinilai oleh pelaras. Lebih-lebih lagi, mesti ada tuntutan yang sah dilaporkan dan dibayar di bawah Seksyen A Polisi Motor untuk menutut faedah mingguan.

Setelah menyelesaikan apa-apa tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pemulihan yang akan diberikan.

Endorsemen PBCV013: Pengecualian Penambahbaikan (Betterment)

Syarikat akan mengetepikan kos penambahbaikan yang ditunjukkan dalam polisi asas Kenderaan Perdagangan Motor anda yang digunakan untuk kenderaan perdagangan anda yang dinamakan akibat kemalangan, tertakluk umur kenderaan perdagangan yang dinamakan adalah berusia 10 tahun dan ke bawah.

Setelah menyelesaikan apa-apa tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pemulihan yang akan diberikan.

Seksyen D: Endorsmen – Diguna pakai jika nombor Endorsmen dicetak di dalam Jadual – Digunakan untuk Liberty Ezy Plus Pakej - Kenderaan Perdagangan – Perlindungan Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga

Berikut adalah senarai terma dan syarat tambahan (dikenali sebagai Endorsmen) yang Kami boleh kenakan ke dalam polisi perlindungan Kenderaan Perdagangan Perlindungan Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga. Sila ambil perhatian bahawa hanya Endorsmen yang nombornya tercatat secara khusus di dalam Jadual Polisi akan diguna pakai oleh Polisi ini.

Faedah	Jumlah Faedah
1. Kematian akibat Kemalangan (maksimum sehingga 2 orang)	RM50,000 setiap orang
2. Hilang Keupayaan kekal (maksimum sehingga 2 orang)	
i) Kehilangan penggunaan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	RM50,000 setiap orang
ii) Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM50,000 setiap orang
iii) Kehilangan penggunaan satu tangan dan satu kaki	RM50,000 setiap orang
iv) Kehilangan penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM50,000 setiap orang
v) Kehilangan penggunaan satu kaki atau satu tangan	RM25,000 setiap orang
vi) Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	RM25,000 setiap orang
3. Bayaran Balik Perbelanjaan Perubatan sehingga (maksimum sehingga 2 orang)	RM500 setiap orang / setiap kemalangan
4. Pendapatan Harian Hospital (maksimum sehingga 2 orang)	RM50 sehari, maksimum sehingga 30 hari / setiap orang/ setiap kemalangan
5. Elaun kematian Pemandu / Pembantu akibat kemalangan (maksimum sehingga 2 orang – Pembayaran kepada syarikat)	RM1,000 setiap orang
6. Faedah Bayaran Ambulans sehingga (maksimum sehingga 2 orang)	RM300 setiap orang / setiap kemalangan
7. Peralatan Perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak dalam kemalangan atau dicuri dari kenderaan sehingga	RM1,000 tahunan / satu kejadian
8. Elaun ketidaksesuaian akibat Kecurian Kenderaan / Kebakaran Penuh	RM1,000 tahunan / satu kejadian
9. Perlindungan bagi Penyalahgunaan bahan api, contoh - mengisi RON95 dan bukannya diesel sehingga	RM500 tahunan / satu kejadian
10. Lebihan Sukarela sehingga	RM600 tahunan / satu kejadian

Nota: Kami akan membayar sehingga tahap maksimum yang tertera di dalam Jadual Faedah. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah jadual ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan menjaskani NCD anda dan TIDAK akan dikenakan lebihan bayaran.

Endorsemen PBCV001 : Kematian Akibat Kemalangan

Sekiranya berlaku kecederaan yang mengakibatkan kehilangan nyawa kepada pemandu dan / atau seorang pembantu akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang Dinamakan di dalam jadual polisi, dalam masa seratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kemalangan, pihak syarikat akan membayar sehingga tahap maximum yang tertera di dalam polisi.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan setiap polisi tahunan.

Endorsemen PBCV002 : Hilang Upaya Kekal

Kehilangan penglihatan dan kehilangan anggota akibat kecederaan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa Pemandu yang Diinsuranskan dan / atau seorang pembantu akibat dari kemalangan yang melibatkan kendaraan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi, dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari selepas berlakunya kemalangan itu yang menyebabkan mana-mana kehilangan berikut dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari, syarikat akan membayar secara penuh untuk:

Jadual Faedah	Jumlah yang Diinsuranskan	Had
Kehilangan penggunaan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	RM50,000 setiap orang	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	RM50,000 setiap orang	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penggunaan satu tangan dan satu kaki	RM50,000 setiap orang	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	RM50,000 setiap orang	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan penggunaan satu kaki atau satu tangan	RM25,000 setiap orang	setiap orang / setiap kemalangan
Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	RM25,000 setiap orang	setiap orang / setiap kemalangan

"Kehilangan" seperti yang di atas digunakan dengan rujukan kepada tangan atau kaki bermaksud pemutusan sepenuhnya di atau di atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki, dalam tempoh 180 hari selepas tarikh kemalangan dan rujukan kepada mata bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan yang tidak dapat dipulihkan lagi.

Kejadian apa-apa kehilangan khusus yang boleh dibayar pampasan di bawah bahagian ini hendaklah sekali gus menamatkan semua insurans di bawah sekysen ini, terpakai kepada Orang yang Diinsuranskan/Pemegang Polisi sahaja, tetapi penamatkan sedemikian hendaklah tanpa prasangka terhadap apa-apa tuntutan yang berpunca daripada kemalangan yang mengakibatkan kehilangan sedemikian.

Tiada pampasan akan dibayar untuk sebarang keadaan lebih daripada satu kerugian, yang paling besar yang mana peruntukan dibuat dalam bahagian ini.

Polisi ini menyediakan perlindungan sehingga dua (2) orang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) bagi setiap kendaraan perdagangan setiap polisi tahunan.

Kelayakan

Orang yang Diinsuranskan/Pemegang Polisi hendaklah berumur 21 tahun ke atas, mempunyai Lesen Memandu Kenderaan Perdagangan (CDL) dan tambahan memiliki Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk Bus dan Taxi, Lesen Kenderaan Perdagangan untuk Lori, Lori Kargo dan Van atau sebarang Lesen memandu Kenderaan Perdagangan yang sah di bawah undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

Pengecualian

Insurans ini tidak diterima pakai:-

- (i) untuk kehilangan yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya; oleh
 - a. Jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku melalui luka tidak sengaja);
 - b. Apa-apa jenis penyakit lain;
 - c. Rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang perlu semata-mata kerana kecederaan yang dilindungi oleh polisi ini dan dilaksanakan dalam masa yang diperuntukkan dalam polisi);
- (ii) untuk apa-apa kecederaan anggota yang akan mengakibatkan hernia;
- (iii) Untuk bunuh diri atau apa-apa percubaan berbuat demikian (siuman atau tidak siuman);
- (iv) untuk kehilangan yang disebabkan oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, perusuhan atau operasi seperti perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penentangan, konspirasi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan, rampasan, kuarantin, atau peraturan kastam atau pemiliknegaraan oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau apa-apa senjata atau alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di waktu aman atau perang. Kekecualian ini hendaklah tidak terjejas oleh apa-apa pengendorsan yang tidak merujuknya secara khusus, secara keseluruhan atau sebahagiannya. Pihak Diinsuranskan hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian, dan sebagai syarat yang mendahului apa-apa liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kehilangan itu tidak dengan apa-apa cara timbul atau melalui mana-mana keadaan atau sebab yang dikecualikan di atas.
- (v) untuk kehilangan yang terjadi semasa kendaraan digunakan untuk sewa, lumba, rali jalan raya, penentuan rentak, pengujian laju atau penggunaan untuk apa-apa tujuan yang berhubung dengan perdagangan kendaraan motor;
- (vi) untuk pemandu jika pemandu sedemikian tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu automobil atau tidak layak untuk memegang atau mendapat lesen pemandu yang sah sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia;
- (vii) apabila kendaraan digunakan untuk aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang sebagai pengangkutan umum tidak berlesen;
- (viii) untuk kelahiran anak, keguguran, menggugurkan kandungan atau kehamilan melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada Pemandu dan/atau seorang Pembantu semasa memandu, menunggang, turun atau menaiki kendaraan anda;
- (ix) Semasa pemandu di bawah pengaruh minuman keras yang memabukkan, alkohol atau dadah.

Peruntukan Khas

Sekiranya bilangan sebenar pembantu melebihi bilangan yang dinyatakan dalam perisyiharan polisi, Had Liabiliti syarikat bagi setiap orang akan diturunkan mengikut nisbah bilangan sebenarnya pembantu kepada bilang pembantu yang diisyiharkan.

Had ini tidak terpakai kepada Pemandu.

Endorsemen PBCV003 : Bayaran Balik Perbelanjaan Perubatan

Sekiranya pemandu yang diinsuranskan dan / atau seorang pembantu mengalami kecederaan akibat kemalangan terhadap Kenderaan Perdagangan yang Dinamakan, memerlukan rawatan daripada pakar perubatan yang berkelayakan atau pakar bedah yang sah, dimasukkan ke hospital atau mengambil jururawat berlesen atau jururawat siswazah, Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang berlaku dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan tersebut, caj hospital dan yuran jururawat hingga had yang ditetapkan mengikut Jadual setiap Orang akibat daripada satu kemalangan.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan.

Endorsemen PBCV004 : Pendapatan Harian Hospital

Syarikat akan membayar pemandu yang dinamakan dan / atau seorang pembantu faedah harian seperti yang dinyatakan di dalam jadual, untuk setiap / pemandu yang dinamakan dan / atau seorang pembantu yang dimasukkan ke hospital akibat kemalangan terhadap Kenderaan Perdagangan yang dinyatakan di dalam jadual polisi, sehingga tahap maksimum sebanyak tiga puluh (30) hari.

Manfaat ini dibayar hanya jika pemandu yang dinamakan dan / atau seorang pembantu yang dimasukkan ke hospital lebih dari dua puluh empat (24) jam akibat kemalangan yang melibatkan Kenderaan Perdagangan yang Dinamakan. Hospital bermaksud hospital / pusat perubatan awam atau swasta yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan makanan serta perkhidmatan kejururawatan selama dua puluh empat (24) jam.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan.

Endorsemen PBCV005 : Elaun Kematian Pemandu / Pembantu Akibat Kemalangan

Syarikat akan membayar elaun (sekali bayaran sahaja) seperti yang dinyatakan di dalam jadual akibat kematian Pemandu / Pembantu akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi.

Manfaat ini akan dibayar sekiranya kematian itu berlaku dalam tempoh 180 hari selepas tarikh kemalangan.

Kami akan membayar elaun seperti yang tertera di dalam jadual. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik untuk pihak menuntut dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan.

Polisi ini memberikan perlindungan untuk dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan / atau seorang pembantu) setiap kenderaan perdagangan untuk satu kejadian sahaja sepanjang tempoh polisi. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan menjelaskan NCD anda dan TIDAK akan dikenakan lebihan bayaran.

Endorsemen PBCV014: Faedah Bayaran Ambulans

Syarikat akan membayar balik bayaran ambulans yang dikeluarkan untuk membawa Pemandu yang diinsuranskan dan / atau satu pembantu ke dan / atau dari hospital jika perlu akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi. Jumlah keseluruhan yang dibayar di bawah manfaat ini akan dihadkan kepada jumlah yang ditentukan mengikut Jadual, setiap orang untuk setiap kemalangan.

Endorsemen PBCV007 : Peralatan Perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak dalam kemalangan atau dicuri dari kenderaan

Kami akan membayar kerugian atau kerosakan peralatan perdagangan, stok perdagangan dan bahan akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan yang dinamakan di dalam jadual polisi.

Manfaat ini hanya akan digunakan untuk:

- (c) peralatan perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang dicuri melalui kemasukan secara paksa dan ganas ke dalam Kenderaan yang berkunci dan / atau bekas peralatan anda yang dipasang terus ke atas kenderaan Anda; atau
- (d) peralatan perdagangan, stok perdagangan atau bahan yang rosak akibat perlanggaran terhadap Kenderaan Anda.
- (c) Perhiasan, barang berharga yang diperbuat daripada logam seperti emas dan perak dan barang kaca tidak termasuk dalam perlindungan ini.

Kami akan membayar sehingga had yang dinyatakan dalam jadual faedah. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah faedah ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan menjelaskan NCD anda dan TIDAK akan dikenakan lebihan bayaran.

Stok perdagangan dan bahan bermaksud:

- bahan mentah dan komponen - siap untuk digunakan untuk proses pengeluaran
- kerja megikut jadual - stok barang yang belum siap sepenuhnya untuk proses pengeluaran
- barang yang siap dan sedia untuk dijual
- bahan habis pakai - bahan bakar, alat tulis, baja, dll.

Endorsemen PBCV011 : Elaun ketidaksesuaian akibat Kecurian Kenderaan / Kebakaran Penuh

Kami akan membayar Anda jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual bagi kehilangan atau kecurian kenderaan yang dinamakan di dalam Jadual polisi.

Perlindungan ini akan ditamatkan secara automatik setelah Anda mengemukakan tuntutan di bawah faedah ini untuk kebakaran atau kecurian kenderaan perdagangan yang dinamakan, mana-mana yang berkenaan. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan menjaskan hak NCD anda dan TIDAK akan berlaku lebihan bayaran.

Endorsemen PBCV010 : Penyalahgunaan Bahan Api

Syarikat akan membayar kos berikut sehingga had maksimum yang tertera sekiranya berlaku penyalahgunaan petrol / bahan bakar (petrol / diesel):

1. mengalirkan dan mengepam tangki bahan bakar kenderaan anda di lokasi dengan menggunakan kenderaan khas di bahu / tepi jalan , atau
2. pemulihan kenderaan anda, ke bengkel pemberian lokasi terdekat untuk mengalirkan dan mengepam keluar dari tangki bahan bakar.

Pengecualian:

- (g) kerosakan mekanikal atau komponen pada kenderaan anda sama ada disebabkan oleh penyalahgunaan bahan api atau sebaliknya.
- (h) sebarang tuntutan melibatkan penyalahgunaan bahan api yang berlaku dalam tempoh 14 hari dari tarikh kuatkuasa polisi (kecuali jika polisi anda telah diperbaharui dengan kami).
- (i) sebarang bahan api yang diperlukan untuk diisi semula ke dalam tangki bahan api selepas penyiran dan pengeluaran bahan api yang tercemar.
- (j) sebarang tuntutan yang disebabkan oleh benda asing yang memasuki sistem bahan bakar kecuali diesel atau petroleum.
- (k) apa-apa perbelanjaan yang tidak disokong dengan resit asal atau laporan bertulis dari pakar yang mengalirkan atau memulihkan tangki bahan bakar di dalam kenderaan anda.
- (l) kehilangan penggunaan kenderaan anda akibat penyalahgunaan bahan api..

Kami akan membayar sehingga had yang dinyatakan di dalam jadual faedah. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah jadual ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan. Sebarang tuntutan di bawah faedah ini tidak akan menjaskan NCD anda dan TIDAK akan dikenakan lebihan bayaran.

Endorsemen PBCV015 : Lebihan Sukarela

Syarikat akan megecualikan lebihan jumlah yang tertera di dalam jadual polisi MOTOR anda yang digunakan untuk kenderaan Perdagangan Anda yang disebutkan di dalam jadual polisi atau Pemandu Sah Anda yang memandu Kenderaan Perdagangan Anda dengan persetujuan Anda pada masa Kejadian sehingga had maksimum yang dinyatakan di dalam jadual faedah terhadap tuntutan KECURIAN dan KEBAKARAN sahaja. Setelah menyelesaikan sebarang tuntutan di bawah jadual ini, faedah tersebut akan ditamatkan secara automatik dan tidak ada pengembalian yang akan diberikan

Polisi ini memberikan perlindungan untuk satu kejadian setiap kenderaan perdagangan setiap tahun atas faedah ini.

NOTA: Sekiranya terdapat keliruan, kecaburan dan konflik dalam pentafsiran manapun terma atau syarat kontrak ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia

SALURAN PENYELESAIAN ADUAN INSURANS ANDA

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklumbalas atau keputusan Syarikat Kami, Anda boleh mengemukakan aduan Anda kepada saluran-saluran dibawah. Sila semak dengan Unit Aduan Syarikat Kami tentang saluran yang betul untuk mengemukakan aduan Anda.

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan

LIBERTY GENERAL INSURANCE BERHAD

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower,

CT9, Pavilion Damansara Heights,

3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur

Tel. No.: 03-2268 3333 or 1 300 888 990

E-mel: customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)

Bank Negara Malaysia

4th Floor, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel No.: 03-2698 8044 (General Line) / 1-300-88-5465 (BNMLINK)

Fax No.: 03-2174 1515

e-Link: bnmlink.bnm.gov.my

Alamat e-mel : bnmlink@bnm.gov.my

Laman Web: www.bnm.gov.my

Ombudsman for Financial Services (664393P) /

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,

4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel. No.: 03-2272 2811

Fax No.: 03-2272 1577

E-mel: enquiry@ofs.org.my

Laman Web: www.ofs.org.my

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).